

22 MEI 2013

Kena bunuh ketika beli dadah

Oleh MEGAT RAMLI MEGAT RAOF
megat@kosmo.com.my



ANGGOTA polis menyiasat tempat Mohd. Shukri diserang dan ditikam hingga mati oleh sekumpulan lelaki warga asing di Sabak Bernam, Selangor kelmarin.

SABAK BERNAM - Hajat seorang lelaki untuk membeli dadah tidak kesampaian apabila dia diserang dan ditikam sampai mati selepas terlibat dalam pergaduhan dengan sekumpulan warga asing di kawasan hutan paya bakau, Bagan Sungai Besar di sini kelmarin.

Mayat Mohd. Shukri Sulaiman, 36, ditemui oleh adiknya di kawasan tersebut pada pukul 7 petang. Polis turut menahan tiga warga asing berusia antara 27 hingga 33 tahun untuk membantu siasatan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Ketua Polis Daerah Sabak Bernam, Superintendan Noor Mushar Mohamad berkata, soal siasat mendapati sebelum kejadian, mangsa telah pergi ke kawasan itu untuk membeli dadah daripada kumpulan warga asing tersebut.

"Mangsa yang menetap di Sungai Lias di sini kemudian telah bertengkar dengan pengedar dadah tersebut sebelum dia dilastik.

"Mohd. Shukri kemudian pulang dan datang semula bersama rakannya sebelum berlaku pergaduhan yang mengakibatkan mangsa mati akibat ditikam di perut dan dipukul," katanya yang memberitahu, adik mangsa kemudian bergegas ke situ selepas dihubungi rakan mangsa.